

**BAHAGIAN E : PENENTUAN PIAWAIAN (ELEKTRIK)**

1. Spesifikasi kerja (Penentuan Piawaian) bagi item-item yang tersebut di dalam Ringkasan Sebutharga adalah sepenuhnya berpandukan pada Spesifikasi Piawai JKR/IEE.
2. Pihak pemborong juga boleh merujuk spesifikasi di :-  
  
Bahagian Pengurusan Fasiliti  
UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Machang,  
18500 Machang,  
Kelantan Darul Naim
3. Hanya spesifikasi-spesifikasi bagi item-item yang tertentu sahaja yang dilampirkan di dalam dokumen ini.

Item	Tajuk	Keterangan
1.0	Piawaian	Kecuali jika dinyatakan, semua kerja-kerja yang dijalankan hendaklah mengikut penentuan yang ditetapkan oleh pembuat dan mengikut kaedah oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)
2.0	Kerja Permulaan	Pemborong adalah dikehendaki mengambil insuran secukupnya bagi tujuan kerja-kerja ini.
3.0	Liputan Kerja	Sebutharga ini meliputi segala keperluan tenaga dan alatan seperti yang terkandung diringkaskan sebutharga bagi maksud menjayakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut.
4.0	Keselamatan	Pemborong perlu sentiasa mengawasi dan mengambil langkah-langkah keselamatan semasa kerja terutamanya keselamatan awam, harta awam dan seumpamanya seperti menyediakan papan-papan tanda dan amaran.
5.0	Gangguan	Sewaktu kerja dijalankan, pemborong hendaklah sentiasa meminimakan gangguan kepada pengguna lain dan orang ramai.
6.0	Surat kebenaran menjalankan kerja kontraktor (Elektrik)	Sebelum sesuatu kerja dijalankan, pemborong hendaklah merujuk kepada Unit Elektrikal bagi mendapatkan SKMKK Elektrik daripada Unit Operasi Elektrik. Tiada sebarang kerja boleh dijalankan jika tidak mendapat surat kebenaran tersebut
7.0	Pendawaian	Pendawaian yang dinyatakan adalah membuat pendawaian dalam G.I/metal konduit atau trunking. Cara pendawaian hendaklah mengikut Akta Suruhanjaya, Akta 447, I.E.E Regulation dan JKR
8.0	Bahan	Bahan-bahan yang hendak digunakan hendaklah diluluskan.